

Bismillahir-rahmanir-rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam perpaduan.

Yang Berbahagia, Naib Canselor UniMAP, Brigadier Jeneral Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dan Yang Berbahagia Datin,

Yang Dihormati Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniMAP, Prof. Zul Azhar Zahid Jamal,

Yang Dihormati Pendaftar UniMAP, Tn. Hj. Rusli Hamid, Bendahari UniMAP, Pn. Saodah Hassan, Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan, staf UniMAP dan hadirin yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana mengizinkan majlis ini diadakan. Terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk menjayakan majlis ini.

Majlis ini sungguh bermakna bagi saya kerana diserikan lagi dengan kehadiran staf-staf printis. Pengorbanan tuan/puan meluangkan masa untuk meraikan persaraan saya pada malam ini, saya sanjung tinggi dan akan saya ingat hingga ke akhir hayat.

Sesungguhnya selama tujuh tahun saya di UniMAP terlalu banyak yang telah saya lalui – baik yang pahit mahupun yang manis – dan mengimbau semua ini membuatkan saya rasa sebak dan terharu pada malam ini...

Saya sungguh bertuah diberi Allah kesihatan yang baik, kekuatan fizikal dan mental serta kesabaran untuk membangun dan mentadbir Perpustakaan UniMAP selama 7 tahun. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg Dato' NC kerana dengan pelawaan beliau saya dapat menjadi Ketua Pustakawan pertama UniMAP. Pada awalnya, perasaan cemas sering bermain di kepala. Saya mempersoalkan samada saya boleh membangun dan

seterusnya mentadbir Perpustakaan dengan baik atau sebaliknya. Maklumlah saya tidak begitu sihat dan telah dinasihatkan oleh doktor untuk elakkan diri dari stres.

Namun begitu, kepercayaan YBhg Dato' NC yang tidak berbelah bagi terhadap kebolehan saya menyemarakkan azam saya untuk membangunkan sebuah perpustakaan yang boleh menjadi kebanggaan UniMAP dan negeri Perlis. Berbekalkan pengalaman selama 28 tahun di USM di mana saya telah 3 kali membangunkan Perpustakaan Kejuruteraan di sana, dan dibantu dengan sekumpulan staf perintis yang berdedikasi, serta berkat semangat dan dorongan yang diberikan oleh YBhg Dato' NC kepada saya dan kakitangan Perpustakaan, alhamdulillah, dalam tempoh 2 bulan sahaja Perpustakaan UniMAP (atau KUKUM pada waktu itu) mula beroperasi. Apabila pelajar-pelajar sulung KUKUM masuk pada bulan Julai 2002, mereka sudah boleh meminjam buku. Untuk itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang memungkinan ini berlaku – khususnya

kepada Rohazna, Siti Noor, Norzila, Rohaya, Shahirah, Annuar dan Hamdan. Saya masih ingat lagi – semua mereka ini berada di pejabat sepanjang masa, tidak kira siang ataupun malam, sehingga saya merasa bersalah kerana membuat mereka berada di pejabat lebih lama dari berada di rumah.

Pada waktu itu, saya juga mengabaikan tugas saya sebagai ibu dan isteri. Mujurlah saya mempunyai suami dan keluarga yang faham akan tugas saya dan sanggup sama-sama berkorban demi UniMAP.

Seperti juga jabatan-jabatan lain di UniMAP, Perpustakaan terus-menerus melebarkan sayapnya. Daripada staf perintis seramai 6 orang, kini staf Perpustakaan berjumlah 43 orang kesemuanya. Dari tiada buku langsung, kini kita boleh berbangga dengan koleksi buku bercetak sebanyak 35,000 naskhah, 100 000 tajuk e-book, dan 26 pangkalan data elektronik. Buat masa sekarang

Perpustakaan menghadapi kekangan ruang, namun jika kita lihat dari segi koleksi ianya lebih dari cukup dan boleh dibanggakan. Ini terbukti dari komen-komen positif dan pujian yang tercatat di dalam buku pelawat Perpustakaan.

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada setiap seorang dari staf saya – samada yang masih bertugas di sini, mahupun yang telah berpindah ke tempat lain. Terima kasih khususnya kepada Puan Mazmin, yang merupakan tulang belakang saya. Banyak tugas telah saya serahkan kepada beliau, terutama sekali sejak akhir-akhir ini, dan saya lihat beliau dengan mudah melaksanakannya. Sungguhpun masih muda, Mazmin telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang Pustakawan yang cemerlang dan berkebolehan. Oleh kerana pengganti saya belum dilantik lagi, Pn. Mazmin akan menjalankan tugas-tugas Ketua Pustakawan bermula esok. Saya berharap agar tuan/puan dapat memberi kerjasama kepada beliau sama seperti yang tuan/puan telah beri kepada saya. Adalah

menjadi harapan saya Pn. Mazmin akan menjadi Ketua Pustakawan UniMAP suatu hari nanti.

YBhg Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya adalah graduan tahun 1970-han di mana kemajuan ICT tidaklah begitu pesat. Banyak kerja terpaksa dibuat secara manual. Alat canggih yang ada semasa saya bertugas di tahun 70-han hanyalah mesin taip elektronik, mesin fotokopi dengan fungsinya yang tidak seberapa, dan mesin cetak gestatner. Semua alatan ini jika dibandingkan dengan apa yang ada sekarang kekurangannya amatlah ketara dan sudah tentu kerja yang dibuat memakan masa panjang.

Kini kemajuan ICT sungguh banyak membantu kerja-kerja rutin di Perpustakaan. Sesungguhnya Perpustakaan UniMAP amat bertuah kerana telah dilahirkan pada zaman teknologi ini. Suka saya mengingatkan staf saya bahawa, pustakawan di era IT perlu sentiasa belajar mengejar ilmu demi memantapkan kemahiran dan kecekapan bekerja. Staf

Perpustakaan juga perlu mengeneipkan ilmu dan amalan lapuk dan bersedia meningkatkan proses-proses kerja selaras dengan kewajipan kita membudayakan ilmu kepada pelanggan-pelanggan kita. Untuk maju ke hadapan, ungkapan Alvin Toffler yang berbunyi: “Learn, unlearn, and relearn” perlu disematkan di dalam hati sanubari setiap pustakawan dan pembantu perpustakaan.

Sekiranya ungkapan ini dihayati dan dipraktikkan, kita boleh menempa kejayaan. Kita boleh “leap frog” dengan bantuan teknologi. Ditambah pula kita dikelilingi oleh suasana teknologi tinggi – saya rasa tiada masalah langsung untuk terus-menerus meningkatkan kualiti perkhidmatan Perpustakaan UniMAP berlandaskan ICT.

Walau bagaimanapun, kehebatan dan kecanggihan teknologi sahaja tidak menjamin keberkesanan peranan Perpustakaan tanpa suntikan elemen kemanusiaan. Faktor kemanusiaan ini sangat penting dan saya ingin memesan

kepada staf saya supaya memahami ekspektasi pelanggan Perpustakaan. Rancanglah strategi dengan baik dan beriltizamlah untuk memenuhi keperluan, malah untuk melangkaui ekspektasi pelanggan kita. Dalam hal ini, lima peraturan dalam bidang sains perpustakaan yang diperkenalkan oleh Ranganathan pada tahun 1931 masih relevan hingga ke hari ini. Semua staf perpustakaan perlu berpegang kepada peraturan pertama “Book are for use”, kedua “Every reader his book”, ketiga “Every book it’s reader”, keempat “save the time of the user” dan kelima atau akhir sekali “The Library is a growing organism”. Kelima-lima peraturan ini berfokus kepada satu iaitu kepentingan pelanggan dan bagaimana kita boleh memudahkan capaian mereka kepada sumber maklumat secara efisien.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa tanpa bantuan ICT, khususnya En. Nasrudin Abdul Shukor dan stafnya di Pusat ICT, tentu sekali Perpustakaan kita tidak secanggih kini. Selain En Nas, saya juga ingin merakamkan terima kasih



saya yang tidak terhingga kepada Y.Bhg. Dato' VC kerana prihatin terhadap perkembangan Perpustakaan dengan memberi peruntukan yang lumayan. Saya berharap sokongan ini akan berterusan.

Umum mengetahui bahawa kepakaran yang ada di Perpustakaan bukan sahaja dalam bidang kepustakawanan, tetapi dalam bidang penyediaan jamuan juga. YBhg Dato' NC selalu mengamanahkan tanggungjawab ini kepada saya. Maka, kesemua kakitangan Perpustakaan pernah menjadi AJK Jamuan untuk sekurang-kurangnya satu majlis jamuan rasmi Universiti.

Tanggungjawab menyediakan jamuan bukanlah satu tugas yang mudah. Ia memerlukan fokus dan ruang masa yang panjang. Staf-staf saya amat bermurah hati menyumbang masa, tenaga, dan buah fikiran dalam setiap majlis jamuan yang diadakan. Cik Hasdarinar terutamanya, telah menunjukkan komitmen yang luar biasa dalam

membantu saya menjayakan kerja-kerja penyediaan jamuan.

Terima kasih, Has.

Begitu juga, terima kasih kepada semua staf saya, yang mana nama-namanya tidak dapat saya sebutkan satu per satu. Ketahuilah - peranan yang anda semua mainkan amat bermakna, dan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih saya tuju kepada Jabatan Pembangunan terutama kepada PM Mazelan dan En. Ir. Ghapar. Saya difahamkan kerja-kerja pembinaan Perpustakaan di Kampus Pauh akan bermula tidak lama lagi. Nampaknya impian saya untuk melihat bangunan baru siap sebelum persaraan saya tidak kesampaian.

Saya juga ingin berterima kasih kepada semua dekan dan mantan dekan yang turut membantu saya. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli EXCO Naib Canselor yang dahulu dan yang kini – iaitu Prof Ali Yeon

Md Shakaff, En Ku Halim Ku Ariffin, En Ayob Ismail, Prof Zul Azhar Zahid Jamal, Hj Rusli Abd Hamid, Puan Saodah Hassan, dan tentu sekali, YBhg Prof Dato' Dr Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP yang amat saya kasihi.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga ingin saya sampaikan kepada rakan saya yang sangat akrab - Prof Dr Zuraidah Mohd Zain - yang sentiasa mendampingi saya dalam suka mahupun duka. Terlalu banyak yang telah saya dan Prof. Zu lalui bersama, sama ada dalam gelak-ketawa, mahupun dalam linangan air mata. Saya akan menjadikan kesemuanya kenangan manis yang tidak dapat saya lupakan sampai bila-bila.

Tak lupa juga kepada suami saya En. Ahmad Din Yusoff yang selalu memberikan semangat kepada saya dalam saya menjalankan tugas-tugas saya. Tanpa beliau, sudah pasti saya tidak dapat menjalani tugas sebagai Ketua Pustakawan dengan baik dan sempurna.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf kepada YBhg Dato' Naib Canselor dan Datin, dan kesemua staf saya, serta staf UniMAP yang lainnya yang pernah berinteraksi dengan saya. Sebagai manusia biasa, tentulah saya tidak sunyi dari melakukan kesilapan dan dosa. Sekiranya kesilapan saya telah menyusahkan tuan-tuan dan puan-puan, maafkanlah saya. Saya berdoa agar kemaafan tuan-tuan dan puan-puan akan dibalas oleh Allah SWT dengan ganjaran yang besar.

Saya berdoa agar UniMAP terus-menerus menempa nama di persada negara dan antarabangsa. Saya yakin di bawah kepimpinan YBhg Dato' serta barisan kepimpinan UniMAP yang lainnya, kita akan mencapai kejayaan dalam apa jua bidang yang kita idamkan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Dato' Naib Canselor & Jawatankuasa Majlis Makan Malam kerana berusaha gigih menjayakan majlis ini. Saya akhiri majlis ini dengan serangkap pantun klasik :

Pisang Emas Dibawa Belayar

Masak Sebiji Di Atas Peti

Hutang Emas Boleh Dibayar

Hutang Budi Dibawa Mati

Sekian, wabillahi taufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.